

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

[SUNGAI SIPUT – PSM]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 36

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada polisi Malaysia tidak membenarkan orang-orang pelarian bekerja secara sah mendedahkan golongan orang pelarian kepada eksploitasi oleh majikan yang kurang bertanggungjawab.

73

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Dasar sedia ada negara iaitu tidak membenarkan 'pelarian' bekerja masih lagi dikekalkan memandangkan semua migran asing yang ingin bekerja di negara ini perlu mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar yang berkuatkuasa mengenai kebenaran migran asing bekerja di Malaysia.

Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas majikan yang mengambil "pelarian" sebagai pekerja kerana kad UNHCR bukanlah merupakan suatu dokumen sah yang membolehkan pelarian Rohingya untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan. Tindakan yang sama juga akan diambil ke atas pemegang kad UNHCR yang bekerja sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta.

Dari segi isu sara hidup, Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 2 Mac 2016 telah memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri melaksanakan Projek Rintis Kebenaran Bekerja kepada 300 orang etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR di dalam sektor perladangan dan perkilangan bagi tempoh tiga (3) tahun.

Ini bertujuan untuk melihat implikasi yang akan timbul khususnya ke atas "pelarian" etnik Rohingya sebelum Kerajaan membuat apa-apa keputusan mengenai kebenaran bekerja kepada pemegang kad UNHCR. Projek ini juga diharapkan dapat membantu "pelarian" Rohingya untuk

menanggung sara hidup mereka sementara tinggal di Malaysia. Dalam masa yang sama ia bertujuan untuk mengelakkan eksploitasi oleh majikan yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.